

Bil. S 74

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, 2015**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang
2. Tafsiran
3. Makna "pemajuan"
4. Makna "pemecahan" dan "penyatuan"
5. Kawasan pemuliharaan

**BAHAGIAN II**

**PENTADBIRAN**

6. Autoriti Perancang
7. Komiti

**BAHAGIAN III**

**PELAN PEMBANGUNAN**

8. Penetapan dan tinjauan kawasan perancangan
9. Penyediaaan draf Pelan Induk
10. Publisiti berhubung dengan penyediaaan draf Pelan Induk
11. Kelulusan atau penolakan draf Pelan Induk oleh Menteri
12. Pindaan Pelan Induk

13. Penyediaan draf Pelan Daerah
14. Publisiti berhubung dengan penyediaan draf Pelan Daerah
15. Kelulusan atau penolakan draf Pelan Daerah oleh Menteri
16. Pindaan Pelan Daerah
17. Penyediaan draf Pelan Setempat
18. Publisiti berhubung dengan penyediaan draf Pelan Setempat
19. Penerimaan draf Pelan Setempat
20. Pindaan, pembatalan dan penggantian Pelan Setempat
21. Kajian semula pelan pembangunan
22. Penjualan pelan pembangunan

#### **BAHAGIAN IV**

##### **PERANCANGAN, PEMECAHAN, PENYATUAN DAN PEMULIHARAAN TANAH**

23. Kebenaran perancangan, pemecahan, penyatuan dan pemuliharaan
24. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran
25. Permohonan diputuskan merujuk kepada Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat
26. Kebenaran bersyarat
27. Kebenaran dasar
28. Pembetulan kesilapan dan peninggalan
29. Tempoh mansuh kebenaran
30. Permohonan hendaklah dirujukkan kepada Menteri
31. Rayuan kepada Menteri
32. Daftar dan rekod

## **BAHAGIAN V**

### **PENGUATKUASAAN**

33. Kuasa untuk menghendaki maklumat mengenai aktiviti di atas tanah
34. Hukuman kerana tidak mematuhi notis maklumat
35. Autoriti untuk memasuki tanah
36. Notis penguatkuasaan
37. Rayuan kepada Menteri terhadap notis penguatkuasaan
38. Kesalahan tidak mematuhi notis penguatkuasaan
39. Pelaksanaan dan kos kerja yang dikehendaki oleh notis penguatkuasaan dll.
40. Pemindahan dan penjualan harta dan bahan
41. Injunksi
42. Penalti sivil

## **BAHAGIAN VI**

### **MENDAPATKAN BALIK WANG**

43. Mendapatkan balik wang
44. Prosiding bagi mendapatkan balik wang yang genap masanya dibayar
45. Penahanan
46. Penggunaan hasil
47. Hak milik diberikan kepada pembeli dalam sesuatu jualan di bawah bab 44
48. Kos prosiding bagi mendapatkan balik jumlah wang yang genap masanya dibayar
49. Kuasa untuk menghentikan jualan
50. Permohonan kepada mahkamah
51. Cagaran hendaklah diberikan

**BAHAGIAN VII**

**AM**

52. Pengesahan dokumen
53. Penyampaian dokumen
54. Pengecualian
55. Pengecualian liabiliti
56. Perlindungan dari liabiliti
57. Kuasa Mahkamah Majistret dan Mahkamah Perantaraan
58. Mengkompaun kesalahan
59. Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat
60. Pembetulan kesilapan dalam daftar
61. Caj, bayaran dan penalti hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan
62. Pindaan Jadual
63. Peraturan-peraturan
64. Pemansuhan Penggal 143, peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian

**JADUAL – KAWASAN KAWALAN KEMAJUAN**

---

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, 2015**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perancangan Bandar dan Desa, 2015 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah berkenaan dengan perancangan kawasan di Negara Brunei Darussalam dan pengawalan pemajuan di dalam Kawasan Kawalan Kemajuan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dan bersampingan dengannya”.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“pindaan”, berkenaan dengan Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat, termasuk apa-apa perubahan atau tambahan kepada atau sebarang pemansuhan atau penggantian Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat seluruhnya atau sebahagiannya;

“melanggar kawalan perancangan” bermakna —

*(a)* melaksanakan mana-mana pemajuan tanah tanpa kebenaran perancangan yang diperlukan;

*(b)* melaksanakan kerja di suatu kawasan pemuliharaan tanpa kebenaran pemuliharaan yang diperlukan; atau

*(c)* sebarang kegagalan untuk mematuhi apa-apa syarat yang tertakluk kepadanya kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan diberikan;

“bangunan” termasuk mana-mana rumah, pondok, bangsal atau tempat tertutup beratap (sama ada digunakan bagi maksud tempat kediaman manusia atau pun selainnya) dan juga mana-mana dinding, pagar, pelantar, pentas, pintu pagar, tiang, pilar, pagar pancang, bingkai, dinding adang, slip, limbungan, dermaga, tambangan, jeti, pelantar pendaratan atau jambatan, atau mana-mana struktur atau asas yang berhubungan dengan yang tersebut di atas;

“komiti” bermakna komiti yang dilantik di bawah bab 7;

“pemuliharaan” bermakna pemeliharaan, pengindahan atau pemulihan semula —

(i) ciri atau rupa; dan

(ii) bahagian dalaman dan luaran mana-mana bangunan di,

suatu kawasan pemuliharaan;

“kawasan pemuliharaan” bermakna suatu kawasan yang ditetapkan oleh Menteri menurut bab-bab 5, 17 dan 20;

“kebenaran pemuliharaan” bermakna kebenaran yang disebut dalam bab 23(4);

“kebenaran penyatuan” bermakna kebenaran yang disebut dalam bab 23(3);

“pelan pembangunan” bermakna Pelan Induk, Pelan Daerah dan Pelan Setempat;

“Pelan Daerah” bermakna suatu pelan penggunaan tanah bagi setiap daerah pentadbiran;

“notis penguatkuasaan” bermakna suatu notis yang disampaikan di bawah bab 36;

“tugas-tugas” termasuk kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan;

“notis maklumat” mempunyai makna yang diberikan kepadanya dalam bab 33;

“tanah” termasuk bangunan, tanah yang diliputi air dan mana-mana estet atau kepentingan atau hak ke atas tanah;

“Pelan Setempat” bermakna suatu pelan penggunaan tanah yang disediakan untuk sesuatu kawasan;

“lot” bermakna mana-mana bidang tanah yang dicatatkan dalam Daftar yang disimpan di bawah bab 7 dari Kanun Tanah (Penggal 40) di bawah suatu dokumen hak milik tunggal;

“Pelan Induk” mempunyai makna yang diberikan kepadanya oleh bab 9;

“Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perancangan bandar dan desa;

“penghuni” termasuk mana-mana orang yang sebenarnya menduduki tanah atau premis atau mana-mana orang yang menjaga, mengurus atau mengawal tanah atau premis itu sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen orang lain, tetapi tidak termasuk orang tumpangan;

“pemilik”, berkenaan dengan tanah atau premis, bermakna —

(a) pemilik sebagaimana yang ditunjukkan dalam Daftar yang disimpan di bawah bab 7 dari Kanun Tanah (Penggal 40) atau wakilnya yang dilantik di sisi undang-undang;

(b) orang yang pada masa itu menerima sewa tanah atau premis itu sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima (yang tidak dilantik oleh atau bagi pihak pemegang gadai janji) atau orang yang akan menerima sewa itu jika tanah atau premis itu disewakan kepada penyewa dan termasuk —

- (i) pemegang gadai janji yang memiliki; dan
- (ii) pembeli suatu premis yang baru dibina atau sebahagiannya yang berkaitan dengannya permit menduduki sementara atau sijil siap statutori telah diberikan;

“kawasan perancangan” bermakna mana-mana kawasan yang ditetapkan oleh Autoriti Perancang di bawah bab 8(1);

“Autoriti Perancang”, berkenaan dengan Perintah ini atau mana-mana Bahagian atau peruntukan Perintah ini, bermakna orang atau orang-orang yang dilantik di bawah bab 6(1) yang akan bertanggungjawab bagi kuat kuasa Perintah ini atau Bahagian atau peruntukan itu;

“kebenaran perancangan” bermakna kebenaran yang disebut dalam bab 23(2);

“tujuan awam” bermakna mana-mana tanah yang diperlukan bagi tujuan melaksanakan peruntukan-peruntukan tanah dalam suatu pelan pembangunan yang dibenarkan dan tanah tersebut hendaklah dianggap

sebagai tanah bagi suatu tujuan awam sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab 3(1) dari Akta Pengambilan Balik Tanah (Penggal 41);

“Akta yang dimansuhkan” bermakna Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Penggal 143) yang dimansuhkan;

“jalan” termasuk mana-mana jalan raya, medan, kaki lima atau laluan, sama ada tembus atau tidak, yang orang ramai berhak lalu, dan juga jalan di atas mana-mana jambatan awam, dan termasuk juga mana-mana jalan raya, kaki lima atau laluan, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan sebagai jalan masuk ke 2 tanah pegangan atau lebih, sama ada orang ramai berhak lalu atau tidak; dan semua saluran, saliran dan parit di tepi mana-mana jalan hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari jalan itu;

“perjanjian pemecahan” bermakna sebarang perjanjian yang dengannya mana-mana orang diberikan —

(a) hak, sama ada terletakhak atau kontinjen, untuk memperolehi, memajakkan atau mendapatkan pemilikan mana-mana lot atau bidang tanah, sama ada dengan serta-merta atau setelah memenuhi apa-apa syarat atau setelah berlakunya apa-apa kejadian atau selepas luputnya mana-mana tempoh masa atau setelah menjalankan mana-mana pilihan atau setelah membayar sebarang jumlah wang sama ada secara beransur-ansur atau pun selainnya; atau

(b) hak untuk mendirikan sebuah bangunan di atas mana-mana bahagian suatu harta kepunyaan orang lain;

“kebenaran pemecahan” bermakna kebenaran yang disebut dalam bab 23(3);

“permit menduduki sementara” bermakna suatu permit menduduki sementara yang diberikan di bawah sebarang undang-undang bertulis;

“menggunakan”, berkenaan dengan tanah, tidak termasuk penggunaan tanah dengan menjalankan apa-apa kerja bangunan atau kerja lain di atas tanah itu;

“kebenaran bertulis” bermakna kebenaran perancangan, kebenaran pemecahan, kebenaran penyatuan atau kebenaran pemuliharaan mengikut mana yang berkenaan, yang diberikan oleh Autoriti Perancang dan termasuk sebarang kebenaran yang diberikan atau dikeluarkan dengan jalan penghantaran elektronik atau dengan suatu medium selain dari kertas dan disahkan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti Perancang;

“pernyataan bertulis”, berkenaan dengan Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat, bermakna bahagian Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat, yang termasuk ringkasan cadangan-cadangan utama dalam Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat, dengan bahan berperihalan sebagaimana yang dianggap perlu oleh Autoriti Perancang untuk menerangkan cadangan-cadangan dalam Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat, atau sebagaimana yang mungkin diarahkan, dari semasa ke semasa, bagi tujuan itu oleh Menteri.

#### **Makna “pemajuan”**

3. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, “pemajuan” bermakna menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, kerja tanah atau kerja lain di dalam, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, atau membuat apa-apa perubahan material dalam penggunaan mana-mana bangunan atau tanah.

(2) Kerja-kerja atau penggunaan tanah yang berikut tidak boleh dianggap bagi maksud-maksud Perintah ini sebagai melibatkan pemajuan tanah —

(a) menjalankan kerja bagi penyelenggaraan, pengelokan atau perubahan lain ke atas sesbuah bangunan yang tidak banyak menyentuh rupa di sebelah luar dan tidak menambah luas lantai;

(b) menjalankan apa-apa kerja oleh Kerajaan, Lembaga Bandaran atau pihak berkuasa berkanun yang dikehendaki bagi penyelenggaraan atau pengelokan sesuatu jalan jika kerja-kerja tersebut adalah di atas tanah di dalam sempadan jalan;

(c) menjalankan apa-apa kerja oleh Kerajaan, Lembaga Bandaran atau pihak berkuasa berkanun bagi maksud memasang, memeriksa, membaiki, atau membaharui mana-mana pembentung, sesalur, paip, kabel atau alat lain termasuk memecah buka mana-mana jalan atau tanah lain bagi maksud itu;

(d) menggunakan mana-mana bangunan atau tanah sedia ada di dalam perkarangan rumah kediaman bagi apa-apa maksud yang bersampingan dengan menikmati rumah kediaman itu;

(e) menggunakan mana-mana tanah dan bangunan berkaitan bagi maksud pertanian atau perhutanan;

(f) perintah pemajuan am sebagaimana yang ditetapkan oleh Autoriti Perancang; dan

(g) sebarang jenis pemajuan lain yang boleh disiarkan oleh Menteri, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

**Makna “pemecahan” dan “penyatuan”**

4. (1) Tertakluk kepada bab ini, dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, “pemecahan” bermakna pembahagian mana-mana tanah atau bidang tanah kerajaan —

(a) bagi maksud mewujudkan dokumen-dokumen hak milik yang berasingan bagi semua atau mana-mana bahagian lot atau tanah tersebut;

(b) bagi maksud melepaskan pemilikan atau melupuskan mana-mana bahagiannya, sama ada dengan cara pajakan, jualan, pemberian atau pertukaran atau bagi mendirikan sebuah bangunan atau struktur di atasnya;

(c) atas permohonan kepada pegawai yang menjaga Pejabat Tanah di bawah bab 21 dari Kanun Tanah (Penggal 40) bagi pemecahan sempadan tanah, dan termasuk mana-mana perjanjian pemecahan bagi maksud yang disebutkan dalam perenggan (a), (b) atau (c).

(2) Tertakluk kepada bab ini, dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, “penyatuan” bermakna penyatuan dalam satu dokumen hak milik bagi dua atau lebih dokumen hak milik sedia ada, yang berkaitan dengan kawasan-kawasan tanah berdampingan.

(3) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (1) dan (2), pajakan mana-mana bahagian sebuah bangunan bagi sesuatu penggunaan yang dibenarkan di bawah bab 24 atau oleh Lembaga Bandaran tidak boleh dianggap sebagai pemecahan atau penyatuan.

**Kawasan pemuliharaan**

5. (1) Jika pada pendapat Menteri mana-mana kawasan mempunyai kepentingan khas seni bina, sejarah, adat istiadat atau estetika, Menteri boleh menetapkan kawasan itu sebagai kawasan pemuliharaan.

(2) Kawasan pemuliharaan boleh mengandungi —

(a) suatu kawasan;

(b) bangunan berasingan; atau

(c) kumpulan bangunan.

(3) Had sempadan mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan pemuliharaan di bawah ceraian (1) boleh diubah oleh Menteri dengan

pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan pemberitahuan itu boleh juga membuat peruntukan bagi kawasan yang tidak lagi menjadi kawasan pemuliharaan.

## BAHAGIAN II

### PENTADBIRAN

#### Autoriti Perancang

6. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik orang atau orang-orang sebagaimana yang difikirkannya layak sebagai Autoriti Perancang yang bertanggungjawab bagi kuat kuasa Perintah ini, sama ada pada amnya atau bagi mana-mana Bahagian atau peruntukan tertentu Perintah ini atau bagi sebarang peraturan tertentu yang dibuat di bawah Perintah ini, dan boleh dalam pemberitahuan itu menyatakan setakat mana dan cara bagaimana tanggungjawab itu akan dijalankan.

(2) Tugas-tugas yang diberikan kepada Autoriti Perancang oleh Perintah ini boleh dilaksanakan oleh mana-mana pegawai yang disebut dalam ceraian (3) yang pada amnya atau khasnya telah diberi kuasa oleh Autoriti Perancang, dan tertakluk kepada arahan dan kawalannya.

(3) Autoriti Perancang boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang yang berikut untuk melaksanakan semua atau sebarang tugasnya yang diberikan oleh Perintah ini —

(a) mana-mana pegawai kerajaan; dan

(b) mana-mana pegawai yang bekerja dengan pihak berkuasa berkanun yang telah dibenarkan oleh Menteri bagi maksud itu.

(4) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa (sama ada pada amnya atau khasnya) di bawah ceraian (2) untuk melaksanakan tugas-tugas Autoriti Perancang di bawah Perintah ini hendaklah dianggap sebagai —

(a) seorang pegawai kerajaan bagi maksud-maksud Perintah ini; dan

(b) seorang kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

#### Komititi

7. Menteri boleh melantik komiti-komiti sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membantu Autoriti Perancang dalam melaksanakan dan dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini.

### BAHAGIAN III

#### PELAN PEMBANGUNAN

##### Penetapan dan tinjauan kawasan perancangan

8. (1) Autoriti Perancang boleh, dengan kebenaran Menteri, menetapkan mana-mana kawasan sebagai suatu kawasan perancangan bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Autoriti Perancang hendaklah, setakat mana dia belum berbuat demikian, memulakan tinjauan ke atas mana-mana kawasan perancangan untuk memeriksa perkara-perkara yang mungkin menjelaskan pemajuan atau perancangan pembangunan, kawasan itu, dan hendaklah dalam apa-apa keadaan sentiasa mengkaji semula semua perkara itu.

(3) Walaupun Autoriti Perancang telah menjalankan kewajipannya di bawah ceraian (1), Autoriti Perancang boleh, jika difikirkannya patut, dan hendaklah, jika diarahkan berbuat demikian oleh Menteri, memulakan tinjauan baru ke atas kawasan perancangan itu, bagi memeriksa perkara-perkara yang mungkin menjelaskan pemajuan, atau perancangan pembangunan, kawasan itu.

(4) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian-ceraian (1) dan (2), perkara-perkara yang hendak diperiksa dan sentiasa dikaji semula di bawah ceraian-ceraian tersebut hendaklah termasuk —

(a) ciri-ciri utama fizikal, ekonomi, alam sekitar, dan sosial, termasuk penggunaan utama tanah, kawasan itu dan, setakat mana ciri-ciri utama tersebut mungkin dijangka menjelaskan kawasan itu, kawasan-kawasan berhampiran;

(b) saiz, komposisi, dan taburan penduduk, kawasan itu, sama ada bermastautin atau tidak;

(c) tanpa menjelaskan perenggan (a), perhubungan, sistem pengangkutan, dan lalu lintas di kawasan itu dan, setakat mana perhubungan, sistem pengangkutan, dan lalu lintas di kawasan itu mungkin dijangka menjelaskan kawasan itu, kawasan-kawasan berhampiran;

(d) apa-apa perkara yang tidak disebutkan dalam perenggan (a), (b) atau (c) yang mungkin dijangka menjelaskan apa-apa perkara yang disebutkan itu;

(e) perkara-perkara lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam sebarang hal tertentu oleh Menteri;

(f) apa-apa perubahan yang telah pun dirancang dalam apa-apa perkara yang disebutkan dalam perenggan (a), (b), (c), (d) atau (e) dan kesan yang mungkin berlaku dari perubahan itu ke atas pemajuan, atau perancangan pembangunan, kawasan itu.

#### Penyediaan draf Pelan Induk

9. (1) Autoriti Perancang hendaklah, dalam suatu tempoh dari permulaan kuat kuasa Perintah ini sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tinjauannya di bawah bab 8 dan pada masa yang sama menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri bagi kelulusannya draf Pelan Induk menurut ceraian (3).

(2) Laporan itu hendaklah termasuk suatu anggaran apa-apa perubahan yang mungkin berlaku, dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, dalam perkara-perkara yang disebutkan dalam bab 8(4) dan tempoh-tempoh yang berlainan boleh ditentukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berlainan.

(3) Draf Pelan Induk itu hendaklah mengandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis —

(a) yang merumuskan dasar dan cadangan am Autoriti Perancang berkaitan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di kawasan perancangan itu, termasuk langkah-langkah untuk memperelok alam sekitar hidup dari segi fizikal, perhubungan dan pengurusan lalu lintas;

(b) yang menyatakan pertalian cadangan itu dengan cadangan am bagi pemajuan dan penggunaan tanah di kawasan-kawasan berhampiran yang mungkin dijangka menjelaskan kawasan itu; dan

(c) yang mengandungi gambar rajah, ilustrasi, bahan berperihalan dan perkara-perkara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti Perancang bagi maksud menerangkan atau menjelaskan cadangan-cadangan dalam pelan itu, atau sebagaimana yang mungkin ditetapkan, atau sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam sebarang hal tertentu dalam arahan yang diberikan oleh Menteri; dan gambar rajah, ilustrasi, dan bahan berperihalan itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian dari pelan itu.

(4) Dalam merumuskan dasar dan cadangan amnya di bawah ceraian (3)(a), Autoriti Perancang hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) hasil tinjauannya di bawah bab 8 dan apa-apa maklumat lain yang mungkin diperolehinya;

(b) dasar semasa berkaitan dengan perancangan sosial dan ekonomi dan pembangunan dan perlindungan alam sekitar negara;

(c) sumber yang mungkin boleh didapati bagi melaksanakan cadangan-cadangan Pelan Induk; dan

(d) perkara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri untuk diambil kira olehnya.

(5) Cadangan am Autoriti Perancang di bawah bab ini berkaitan dengan tanah, hendaklah menunjukkan mana-mana bahagian kawasan yang telah dipilihnya untuk memulakan pengolahan menyeluruh dalam suatu tempoh yang ditetapkan, menurut Pelan Daerah dan Pelan Setempat yang disediakan bagi kawasan terpilih pada keseluruhannya, dengan cara membangunkan, membangunkan semula, atau memperelok, atau sebahagiannya dengan satu cara dan sebahagiannya lagi dengan cara lain, bagi seluruh atau sebahagian dari kawasan yang dipilih itu, dan jenis pengolahan yang dipilih.

(6) Apabila Menteri meluluskan sesuatu cadangan bagi pemajuan dan penggunaan tanah di bawah Perintah ini, cadangan yang diluluskan itu hendaklah berkuat kuasa dan mengatasi apa-apa syarat khas yang mungkin dicatatkan dalam Daftar di bawah bab 9(5) dari Kanun Tanah (Penggal 40) berkaitan dengan mana-mana hak milik yang dikeluarkan di bawah bab 3 atau 6 dari Kanun itu.

#### **Publisiti berhubung dengan penyediaan draf Pelan Induk**

10. Apabila menyediakan draf Pelan Induk dan akhirnya menentukan kandungannya untuk dikemukakan kepada Menteri, Autoriti Perancang boleh menjalankan penyertaan awam atau siasatan tempatan jika difikirkannya patut, dan hendaklah menjalankan siasatan tersebut jika diarahkan berbuat demikian oleh Menteri.

#### **Kelulusan atau penolakan draf Pelan Induk oleh Menteri**

11. (1) Menteri boleh, setelah menimbangkan draf Pelan Induk yang dikemukakan atau dikemukakan semula kepadanya, secara bertulis, sama ada meluluskan, seluruhnya atau sebahagiannya dan dengan atau tanpa pengubahsuaian-pengubahsuaian atau syarat-syarat, atau menolaknya.

(2) Dalam menimbangkan draf Pelan Induk itu, Menteri boleh mengambil kira apa-apa perkara yang difikirkannya berkaitan, sama ada atau tidak perkara itu telah diambil kira dalam draf Pelan Induk itu seperti yang dikemukakan atau dikemukakan semula kepadanya.

(3) Setelah menerima draf Pelan Induk itu, Menteri boleh, tertakluk kepada sebarang penyertaan awam atau siasatan tempatan yang diadakan, menimbangkan apa-apa bantahan terhadap draf Pelan Induk itu, sebelum memutuskan sama ada atau tidak untuk meluluskan, meminda atau menolak Pelan Induk itu.

(4) Menteri hendaklah, secara bertulis, meluluskan, meminda atau menolak draf Pelan Induk dalam masa 3 bulan dari pengemukaannya.

#### Pindaan Pelan Induk

12. (1) Pada bila-bila masa selepas Pelan Induk itu mula berkuat kuasa, Autoriti Perancang boleh mengemukakan kepada Menteri dan hendaklah, jika diarahkan demikian oleh Menteri, mengemukakan kepadanya dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu, cadangan-cadangan bagi pindaan kepada Pelan Induk itu yang pada pendapat Autoriti Perancang sebagai wajar atau sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri dan cadangan-cadangan itu boleh mengenai seluruh atau sebahagian dari kawasan itu.

(2) Autoriti Perancang hendaklah, dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan olehnya di bawah bab ini, mengemukakan suatu laporan mengenai hasil kajian semulanya ke atas perkara-perkara yang berkaitan di bawah bab 8 berserta dengan apa-apa maklumat lain yang kepadanya cadangan-cadangan itu diasaskan; dan bab-bab 10 dan 11 hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaihan-pengubahsuaihan yang perlu, berhubung dengan cadangan-cadangan itu sebagaimana bab-bab itu dikenakan berhubung dengan Pelan Induk itu.

#### Penyediaan draf Pelan Daerah

13. (1) Autoriti Perancang hendaklah, dalam suatu tempoh dari permulaan kuat kuasa Perintah ini sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tinjauannya di bawah bab 8 dan pada masa yang sama menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri bagi kelulusannya draf Pelan Daerah menurut ceraian (3).

(2) Laporan itu hendaklah termasuk suatu anggaran apa-apa perubahan yang mungkin berlaku, dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, dalam perkara-perkara yang disebutkan dalam bab 8(4) dan tempoh-tempoh yang berlainan boleh ditentukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berlainan.

(3) Draf Pelan Daerah itu hendaklah mengandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis —

(a) yang merumuskan dasar dan cadangan strategik Autoriti Perancang berkaitan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di daerah-daerah, termasuk langkah-langkah untuk memperelok alam sekitar dari segi fizikal, perhubungan dan pengurusan lalu lintas;

(b) yang menyatakan pertalian cadangan itu dengan cadangan am bagi pemajuan dan penggunaan tanah di kawasan-kawasan berhampiran yang mungkin dijangka menjelaskan kawasan itu; dan

(c) yang mengandungi gambar rajah, ilustrasi, bahan berperihalan dan perkara-perkara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti Perancang bagi maksud menerangkan atau menjelaskan cadangan-cadangan dalam pelan itu, atau sebagaimana yang mungkin ditetapkan, atau sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam sebarang hal tertentu dalam arahan yang diberikan oleh Menteri; dan gambar rajah, ilustrasi, dan bahan berperihalan itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian dari pelan itu.

(4) Dalam merumuskan dasar dan cadangan strategiknya di bawah ceraian (3)(a), Autoriti Perancang hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) hasil tinjauannya di bawah bab 8 dan apa-apa maklumat lain yang mungkin diperolehinya;

(b) dasar semasa berkaitan dengan perancangan sosial dan ekonomi dan pembangunan dan perlindungan alam sekitar negara seperti yang ditetapkan dalam Pelan Induk;

(c) sumber yang mungkin boleh didapati bagi melaksanakan cadangan-cadangan Pelan Daerah; atau

(d) perkara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri untuk diambil kira olehnya.

(5) Cadangan am Autoriti Perancang di bawah bab ini berkaitan dengan tanah, hendaklah menunjukkan mana-mana bahagian kawasan perancangan yang telah dipilihnya untuk memulakan pengolahan menyeluruh dalam suatu tempoh yang ditetapkan menurut Pelan Daerah dan Pelan Setempat yang disediakan bagi kawasan terpilih pada keseluruhannya, dengan cara membangunkan, membangunkan semula, atau memperelok, atau sebahagiannya dengan satu cara dan sebahagiannya lagi dengan cara lain, bagi seluruh atau sebahagian dari kawasan yang dipilih itu, dan jenis pengolahan yang dipilih.

(6) Apabila Menteri meluluskan sesuatu cadangan bagi pemajuan dan penggunaan tanah di bawah Perintah ini, cadangan yang diluluskan itu hendaklah berkuat kuasa dan mengatasi apa-apa syarat khas yang mungkin dicatatkan dalam Daftar di bawah bab 9(5) dari Kanun Tanah (Penggal 40) berkaitan dengan mana-mana hak milik yang dikeluarkan di bawah bab 3 atau 6 dari Kanun itu.

#### **Publisiti berhubung dengan penyediaan draf Pelan Daerah**

14. Apabila menyediakan draf Pelan Daerah dan akhirnya menentukan kandungannya untuk dikemukakan kepada Menteri, Autoriti Perancang boleh menjalankan penyertaan awam atau siasatan tempatan jika difikirkannya patut, dan hendaklah menjalankan siasatan tersebut jika diarahkan berbuat demikian oleh Menteri.

### **Kelulusan atau penolakan draf Pelan Daerah oleh Menteri**

15. (1) Menteri boleh, setelah menimbangkan draf Pelan Daerah yang dikemukakan atau dikemukakan semula kepadanya, secara bertulis, sama ada meluluskan, seluruhnya atau sebahagiannya dan dengan atau tanpa pengubahsuaian-pengubahsuaian atau syarat-syarat, atau menolaknya.

(2) Dalam menimbangkan draf Pelan Daerah itu, Menteri boleh mengambil kira apa-apa perkara yang difikirkannya berkaitan, sama ada atau tidak perkara itu telah diambil kira dalam draf Pelan Daerah itu seperti yang dikemukakan atau dikemukakan semula kepadanya.

(3) Setelah menerima draf Pelan Daerah itu, Menteri boleh, tertakluk kepada sebarang penyertaan awam atau siasatan tempatan yang diadakan, menimbangkan apa-apa bantahan terhadap draf Pelan Daerah itu, sebelum memutuskan sama ada atau tidak untuk meluluskan, meminda atau menolak Pelan Daerah itu.

(4) Menteri hendaklah, secara bertulis, meluluskan, meminda atau menolak draf Pelan Daerah dalam masa 3 bulan dari pengemukaannya.

### **Pindaan Pelan Daerah**

16. (1) Pada bila-bila masa selepas Pelan Daerah itu mula berkuat kuasa, Autoriti Perancang boleh mengemukakan kepada Menteri dan hendaklah, jika diarahkan demikian oleh Menteri, mengemukakan kepadanya dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu, cadangan-cadangan bagi pindaan kepada Pelan Daerah itu yang pada pendapat Autoriti Perancang sebagai wajar atau sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri dan cadangan-cadangan itu boleh mengenai seluruh atau sebahagian dari kawasan itu.

(2) Autoriti Perancang hendaklah, dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan olehnya di bawah bab ini, mengemukakan suatu laporan mengenai hasil kajian semulanya ke atas perkara-perkara yang berkaitan di bawah bab 8 berserta dengan apa-apa maklumat lain yang kepadanya cadangan-cadangan itu diasaskan; dan bab-bab 14 dan 15 hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, berhubung dengan cadangan-cadangan itu sebagaimana bab-bab itu dikenakan berhubung dengan Pelan Daerah itu.

(3) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara peruntukan-peruntukan Pelan Daerah itu, peruntukan terbaru yang telah diluluskan hendaklah dipakai.

### **Penyediaan draf Pelan Setempat**

17. (1) Autoriti Perancang, dalam masa menyediakan draf Pelan Induk atau draf Pelan Daerah atau sebelum Menteri meluluskan atau menolak draf Pelan

Induk atau draf Pelan Daerah, boleh, jika difikirkannya wajar, menyediakan draf Pelan Setempat bagi mana-mana bahagian kawasan tempatan.

(2) Jika Pelan Induk atau Pelan Daerah itu telah mula berkuat kuasa, Autoriti Perancang hendaklah menimbangkan, dan selepas itu sentiasa mengkaji semula, kebaikan menyediakan dan, jika difikirkannya wajar dan dia belum lagi berbuat demikian, hendaklah menyediakan draf Pelan Setempat bagi mana-mana bahagian atau bagi seluruh kawasan tempatan.

(3) Draf Pelan Setempat itu hendaklah mengandungi peta-peta dan pernyataan-pernyataan bertulis dan hendaklah —

(a) merumuskan, dengan perincian sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti Perancang, antara lain, cadangan-cadangannya bagi —

- (i) pemajuan;
- (ii) penggunaan tanah di;
- (iii) perlindungan dan pengelokan alam sekitar dari segi fizikal bagi;
- (iv) pemeliharaan topografi semula jadi;
- (v) pengelokan landskap;
- (vi) pemeliharaan dan penanaman pokok di;
- (vii) penyediaan tanah lapang di;
- (viii) pemeliharaan dan pengindahan ciri dan rupa bangunan di;
- (ix) penetapan kawasan pemuliharaan di;
- (x) peningkatan perhubungan di;
- (xi) peningkatan infrastruktur di;
- (xii) pengurusan lalu lintas di; atau
- (xiii) skim penyelarasan semula tanah di,

kawasan pelan itu;

(b) mengandungi gambar rajah, ilustrasi, bahan berperihalan dan perkara-perkara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti Perancang bagi maksud menerangkan atau menjelaskan cadangan-cadangan dalam pelan itu, atau

sebagaimana yang mungkin ditetapkan, atau sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam sebarang hal tertentu dalam arahan yang diberikan oleh Menteri;

dan gambar rajah, ilustrasi, dan bahan berperihalan itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian dari pelan itu.

(4) Jika sesuatu kawasan itu ditunjukkan sebagai suatu kawasan tindakan dalam Pelan Induk atau Pelan Daerah, Autoriti Perancang hendaklah, jika dia belum berbuat demikian, selepas Pelan Induk atau Pelan Daerah itu mula berkuat kuasa, menyediakan draf Pelan Setempat bagi kawasan itu.

(5) Tanpa menjelaskan ceraian-ceraian (1) hingga (3), Autoriti Perancang hendaklah, jika Menteri memberi suatu arahan kepadanya berkaitan dengan sebahagian dari suatu kawasan yang baginya draf Pelan Induk atau draf Pelan Daerah telah disediakan, atau sedang disediakan, dengan seberapa segera yang boleh menyediakan bagi bahagian itu draf Pelan Setempat dari jenis sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam arahan itu.

(6) Arahan di bawah ceraian (5) boleh diberikan oleh Menteri sama ada sebelum atau selepas draf Pelan Induk atau draf Pelan Daerah itu mula berkuat kuasa.

(7) Dalam merumuskan cadangan-cadangannya dalam draf Pelan Setempat, Autoriti Perancang hendaklah memastikan bahawa cadangan-cadangan itu pada amnya menepati Pelan Induk atau Pelan Daerah sebagaimana keadaannya pada masa itu, sama ada atau tidak ia telah mula berkuat kuasa, dan hendaklah memberi perhatian kepada apa-apa maklumat dan pertimbangan lain yang pada pendapatnya adalah berkaitan, atau yang mungkin ditetapkan, atau yang mungkin diarahkan dalam sebarang hal tertentu oleh Menteri untuk diambil kira olehnya.

(8) Apabila Menteri meluluskan sesuatu cadangan bagi pemajuan dan penggunaan tanah di bawah Perintah ini, cadangan yang diluluskan itu hendaklah berkuat kuasa dan mengatasi apa-apa syarat khas yang mungkin dicatatkan dalam Daftar di bawah bab 9(5) dari Kanun Tanah (Penggal 40) berkaitan dengan mana-mana hak milik yang dikeluarkan di bawah bab 3 atau 6 dari Kanun itu.

(9) Bagi maksud-maksud ceraian (4), "kawasan tindakan" bermakna kawasan yang dipilih untuk memulakan pengolahan menyeluruh di bawah bab 9(5) atau 13(5).

#### **Publisiti berhubung dengan penyediaan draf Pelan Setempat**

18. Apabila menyediakan draf Pelan Setempat dan akhirnya menentukan kandungannya, Autoriti Perancang boleh menjalankan penyertaan awam atau

siasatan tempatan jika difikirkannya patut, dan hendaklah menjalankan siasatan tersebut jika diarahkan berbuat demikian oleh Menteri.

**Penerimaan draf Pelan Setempat**

19. (1) Draf Pelan Setempat hendaklah menepati Pelan Induk dan Pelan Daerah sebelum ia diterima.

(2) Satu salinan draf Pelan Setempat itu hendaklah dikemukakan dengan serta-merta kepada Menteri untuk diluluskan olehnya secara bertulis.

(3) Pelan Setempat yang diterima itu hendaklah mula berkuat kuasa setelah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

**Pindaan, pembatalan dan penggantian Pelan Setempat**

20. (1) Autoriti Perancang boleh pada bila-bila masa membuat cadangan bagi pindaan, pembatalan, atau penggantian Pelan Setempat.

(2) Tanpa menjelaskan ceraian (1), Autoriti Perancang hendaklah, jika Menteri memberi suatu arahan kepadanya berkaitan dengan Pelan Setempat, menyediakan cadangan dari jenis yang dinyatakan dalam arahan itu, iaitu cadangan untuk meminda, membatalkan, atau mengganti Pelan Setempat itu.

(3) Cadangan untuk meminda Pelan Setempat itu boleh mengadakan peruntukan yang berikut berkenaan dengan seluruh kawasan yang menjadi perkara Pelan Setempat itu atau mana-mana bahagiannya bagi —

- (a) pengezonan semula;
- (b) perubahan pernyataan bertulis dalam sebarang hal;
- (c) penetapan kawasan pemuliharaan; atau
- (d) sebarang maksud lain yang dinyatakan di dalamnya.

(4) Bab-bab 17(7), 18 dan 19 hendaklah dikenakan berhubung dengan cadangan yang dibuat untuk meminda, membatalkan, atau mengganti Pelan Setempat di bawah bab ini dan sebarang pindaan, pembatalan, atau penggantian Pelan Setempat itu yang kemudiannya.

**Kajian semula pelan pembangunan**

21. (1) Sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 10 tahun, Autoriti Perancang hendaklah, apabila dan jika perlu, mengkaji semula Pelan Induk.

(2) Autoriti Perancang hendaklah mengkaji semula pelan pembangunan lain sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 5 tahun.

**Penjualan pelan pembangunan**

22. Autoriti Perancang hendaklah menyediakan salinan-salinan pelan pembangunan atau sebahagiannya, jika dianggapnya perlu, untuk diperiksa oleh dan untuk dijual dengan suatu harga yang berpatutan kepada orang ramai.

**BAHAGIAN IV**

**PERANCANGAN, PEMECAHAN, PENYATUAN DAN PEMULIHARAAN TANAH**

**Kebenaran perancangan, pemecahan, penyatuan dan pemuliharaan**

23. (1) Kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Jadual adalah Kawasan Kawalan Kemajuan.

(2) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran perancangan, melaksanakan pemajuan mana-mana tanah di dalam kawasan Kawalan Kemajuan.

(3) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran pemecahan atau penyatuan, memecah atau menyatukan mana-mana tanah di dalam Negara Brunei Darussalam.

(4) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran pemuliharaan, melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan.

(5) Kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan boleh juga, jika ia memperuntukkan dengan nyata demikian, mengandungi kebenaran pemecahan atau penyatuan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (2), (3) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan —

/a/ dikenakan suatu denda tidak melebihi \$200,000; dan

/b/ dalam hal suatu kesalahan berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(7) Jika seseorang itu disabitkan atas suatu kesalahan di bawah ceraian (6) berkaitan dengan apa-apa kerja di atas atau sebarang pemajuan, pemecahan atau penyatuan tanah tanpa disampaikan terlebih dahulu dengan suatu notis penguatkuasaan berkaitan dengan kerja-kerja, pemajuan, pemecahan atau penyatuan tanah itu, Autoriti Perancang boleh menyampaikan suatu perintah kepada orang itu yang mengarahkannya untuk memindahkan dari tanah itu,

dalam masa 14 hari dari tarikh penyampaian perintah tersebut, semua harta atau bahan yang digunakan berhubung dengan kesalahan itu sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah tersebut.

**Permohonan untuk mendapatkan kebenaran**

24. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran perancangan, kebenaran pemecahan atau penyatuan, atau kebenaran pemuliharaan hendaklah dibuat kepada Autoriti Perancang dalam bentuk dan mengikut cara yang ditetapkan.

**Permohonan diputuskan merujuk kepada Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat**

25. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), dalam memutuskan permohonan untuk mendapatkan kebenaran bertulis, Autoriti Perancang hendaklah bertindak menepati peruntukan-peruntukan Pelan Induk, mana-mana Pelan Daerah atau mana-mana Pelan Setempat mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika Menteri meluluskan, Autoriti Perancang tidak perlu bertindak menurut ceraian (1) dalam mana-mana hal keadaan yang berikut —

(a) tanah yang dimaksudkan oleh permohonan itu (disebut dalam ceraian ini sebagai tanah berkaitan) adalah atau akan diperlukan bagi sebarang maksud awam atau bagi penyediaan sebarang perkhidmatan utiliti atau kemudahan infrastruktur, sosial atau pengangkutan;

(b) tanah berkaitan, atau kawasannya, adalah perkara suatu kajian perancangan, pengangkutan, pemuliharaan atau pemeliharaan yang sedang dijalankan oleh Autoriti Perancang atau mana-mana pihak berkuasa awam yang lain;

(c) peruntukan-peruntukan Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat setakat mana ia bersangkutan dengan tanah berkaitan, atau kawasannya, sedang dikaji semula oleh Autoriti Perancang;

(d) cadangan untuk meminda peruntukan-peruntukan Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat setakat mana ia bersangkutan dengan tanah berkaitan, atau kawasannya, telah dikemukakan kepada Menteri untuk kelulusan di bawah bab 12, 16 atau 20; atau

(e) Autoriti Perancang berpendapat bahawa pemajuan yang dicadangkan dalam permohonan itu adalah tidak sesuai dengan pemajuan ke atas tanah yang bersempadan dengan tanah berkaitan atau tanah lain dalam kawasan itu.

(3) Jika ceraian (2) dikenakan, Autoriti Perancang boleh memutuskan permohonan itu mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri.

- (4) Tertakluk kepada mana-mana peraturan, Autoriti Perancang boleh —
- (a) memberi kebenaran bertulis, sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, termasuk syarat-syarat yang disebut dalam bab 26; atau
- (b) enggan memberi kebenaran bertulis.

(5) Jika kebenaran bertulis diberikan tertakluk kepada syarat-syarat atau tidak diberikan, Autoriti Perancang hendaklah memberi sebab-sebab secara bertulis kerana mengenakan syarat-syarat itu atau menolak permohonan itu, mengikut mana yang berkenaan.

(6) Apabila permohonan bagi kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan dibuat kepada Autoriti Perancang berhubung dengan mana-mana tanah, permohonan itu hendaklah menggantikan mana-mana permohonan yang dahulu bagi kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan berkenaan dengan tanah yang sama yang masih belum diputuskan.

(7) Melainkan jika diluluskan selainnya oleh Menteri secara bertulis, kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan Autoriti Perancang adalah suatu syarat sebelum pihak berkuasa melesen menimbangkan mana-mana permohonan bagi pengeluaran suatu lesen bagi sebarang maksud yang melibatkan pemajuan tanah.

#### Kebenaran bersyarat

26. (1) Semua atau mana-mana syarat yang berikut boleh dikenakan atas pemberian di bawah bab 25(4) sebarang kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan berkaitan dengan mana-mana tanah —

- (a) bahawa kebenaran itu diberikan bagi tempoh tertentu;
- (b) bahawa apa-apa kerja hendaklah dimulakan pada masa tertentu;
- (c) sekatan tentang ketinggian, reka bentuk, rupa dan tapak bina bangunan;
- (d) bahawa pemecahan atau penyatuan tanah itu adalah dilarang;
- (e) bahawa cagaran hendaklah disimpan dengan pihak berkuasa berkanun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti Perancang untuk memastikan pematuhan kehendak-kehendak pihak berkuasa berkanun itu;

(f) bahawa hak milik ke atas mana-mana bahagian tanah itu hendaklah dipindahkan bebas dari bebanan kepada Negara atau mana-mana pihak berkuasa awam;

(g) bahawa struktur penghubung (sama ada atau tidak di dalam tanah itu) sebagaimana yang dianggap perlu oleh Autoriti Perancang hendaklah disediakan, diselenggarakan, sentiasa terbuka dan boleh diakses untuk digunakan oleh orang ramai atau mana-mana penghuni atau pengguna lain tanah itu dan mana-mana tanah lain yang bersempadan atau dalam kawasan itu; dan

(h) bahawa kebenaran itu hendaklah mengatasi sebarang kebenaran dahulu yang diberikan oleh Autoriti Perancang kepada pemohon dengan tidak menghiraukan apa-apa juga dalam bab 29.

(2) Syarat-syarat yang berikut boleh juga dikenakan atas pemberian sebarang kebenaran pemuliharaan di bawah bab 25(4) —

(a) kehendak-kehendak bagi pematuhan apa-apa garis panduan pemuliharaan atau sebarang kehendak lain berkenaan dengan pemuliharaan; atau

(b) kehendak-kehendak bagi memperbaiki mana-mana kerosakan kepada bangunan yang berpunca dari apa-apa kerja setelah kerja itu siap.

(3) Mana-mana orang yang gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan kepada sebarang kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan —

(a) dikenakan suatu denda tidak melebihi \$200,000; dan

(b) dalam hal suatu kesalahan berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$10,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(4) Jika mana-mana orang gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan kepada sebarang kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan, Autoriti Perancang boleh membatalkan kebenaran yang berkaitan.

(5) Dalam bab ini, “struktur penghubung” bermakna mana-mana jalan bawah, jalan bawah tanah, jambatan atau struktur lain, sama ada di bawah, di atas atau di tanah dan sama ada bagi pejalan kaki atau kenderaan, yang menyambung atau menghubungkan sebuah bangunan dengan bangunan lain atau sebuah bangunan dengan mana-mana kemudahan atau jalan awam lain, dan termasuk eskalator, travelator dan kemudahan lain.

### Kebenaran dasar

27. (1) Pemohon bagi kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan boleh jika dia berhasrat demikian mula-mula memohon bagi kebenaran dasar mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Permohonan untuk mendapatkan kebenaran dasar hendaklah diputuskan sama asasnya dengan permohonan untuk mendapatkan kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan kecuali bahawa Autoriti Perancang hendaklah mengambil kira hanya kepada perkara-perkara berkenaan dengan penggunaan tanah, intensiti, jenis, bentuk dan ketinggian pemajuan atau kerja yang dicadangkan.

(3) Kebenaran dasar hendaklah menjadi kelulusan pada prinsipnya bagi pemajuan atau kerja yang dicadangkan, tetapi tidaklah membenarkan pelaksanaan pemajuan atau kerja itu atau mana-mana pemajuan atau kerja lain.

(4) Sebarang pemberian kebenaran dasar hendaklah luput 6 bulan selepas tarikh pemberiannya melainkan jika tempoh yang lebih lama dinyatakan dalam kebenaran dasar itu atau Autoriti Perancang mengarahkan selainnya secara bertulis.

(5) Jika berikutan dengan pemberian kebenaran dasar permohonan bagi kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan dibuat dalam tempoh kesahan kebenaran dasar itu, permohonan itu hendaklah diputuskan berdasarkan kepada butir-butir lanjut yang diberikan dalam permohonan yang kemudian itu.

(6) Bab 31 hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada permohonan yang dibuat di bawah bab ini sebagaimana ia dikenakan kepada permohonan yang dibuat di bawah bab 24.

### Pembetulan kesilapan dan peninggalan

28. (1) Kesahan sebarang kebenaran bertulis yang diberikan di bawah Bahagian ini tidaklah terjejas oleh apa-apa kesilapan dalam atau peninggalan apa-apa butir berhubung dengan perihalan mana-mana tanah atau sempadan jika lokasi dan identiti tanah itu tidak dipersoalkan.

(2) Autoriti Perancang boleh pada bila-bila masa membetulkan apa-apa kesilapan atau peninggalan itu dengan —

(a) pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*; atau

(b) meminda atau menambah kepada kebenaran bertulis itu untuk membetulkan apa-apa perkara yang tersilap masukkan atau tinggalkan.

**Tempoh mansuh kebenaran**

29. (1) Kecuali jika Autoriti Perancang mengenakan suatu syarat yang berlawanan, setiap kebenaran perancangan dan setiap kebenaran pemuliharaan hendaklah luput jika pemajuan atau kerja yang dibenarkan olehnya tidak siap atau dibuat dalam masa satu tahun dari —

(a) tarikh pemberian kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan, mengikut mana yang berkenaan;

(b) jika suatu rayuan dibuat di bawah bab 31, tarikh rayuan itu diputuskan atau ditarik balik.

(2) Autoriti Perancang boleh, atas budi bicaranya, melanjutkan sebarang kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan atas terma-terma dan bagi tempoh lanjut sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Permohonan hendaklah dirujukkan kepada Menteri**

30. (1) Menteri boleh memberi arahan kepada Autoriti Perancang yang menghendaki bahawa semua atau mana-mana permohonan di bawah bab 24 atau mana-mana kelas permohonan yang dinyatakan dalam arahan itu hendaklah dirujukkan kepadanya untuk diputuskan dan bukannya kepada Autoriti Perancang, dan setiap permohonan itu hendaklah kemudiannya dirujukkan demikian kepada Menteri.

(2) Keputusan Menteri atas permohonan tersebut hendaklah disampaikan kepada Autoriti Perancang, yang akan memberi atau enggan memberi kebenaran bertulis menurut keputusan itu, dan, jika kebenaran bertulis diberikan, mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri dan syarat-syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti Perancang.

(3) Menteri hendaklah, dalam memutuskan mana-mana permohonan tersebut, mempunyai semua tugas Autoriti Perancang di bawah Perintah ini, dan sebutan-sebutan kepada Autoriti Perancang hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya sebagai sebutan-sebutan kepada Menteri.

(4) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri di bawah bab ini adalah muktamad tetapi apa-apa keputusan oleh Autoriti Perancang untuk mengenakan syarat-syarat selain dari yang diarahkan oleh Menteri hendaklah tertakluk kepada rayuan di bawah bab 31 seolah-olah syarat-syarat itu telah dikenakan oleh Autoriti Perancang di bawah bab 25(4).

(5) Jika Autoriti Perancang bercadang hendak membangunkan atau menjalankan kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan di atas tanah kepunyaannya, dia boleh diarahkan oleh Menteri supaya memberikan kepada Menteri butir-butir berkenaan dengan pemajuan atau kerja itu dan Menteri boleh memberi arahan lanjut sebagaimana yang difikirkannya patut.

(6) Menteri boleh membenarkan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, sama ada pada amnya atau berkenaan dengan mana-mana kawasan tertentu, mana-mana pemajuan tanah atau kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

#### **Rayuan kepada Menteri**

31. (1) Jika permohonan bagi kebenaran bertulis di bawah bab 24 —

- (a) ditolak oleh Autoriti Perancang; atau
- (b) diberikan oleh Autoriti Perancang tertakluk kepada syarat-syarat,

pemohon yang tidak puas hati dengan keputusan itu boleh merayu kepada Menteri terhadap keputusan itu.

(2) Suatu rayuan hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti Perancang dan dalam masa 60 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan itu.

(3) Jika suatu rayuan dibawa di bawah bab ini terhadap suatu keputusan Autoriti Perancang, Menteri boleh menolak atau membenarkan rayuan itu tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Keputusan Menteri atas suatu rayuan hendaklah disampaikan kepada Autoriti Perancang dan pemohon.

(5) Jika Autoriti Perancang memberi kebenaran bertulis menurut keputusan Menteri atas rayuan, Autoriti Perancang boleh, sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dibenarkan oleh Menteri, mengenakan syarat-syarat tambahan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti Perancang yang tidak bertentangan dengan keputusan Menteri atas rayuan.

(6) Keputusan Menteri adalah muktamad.

#### **Daftar dan rekod**

32. (1) Autoriti Perancang hendaklah menyimpan suatu rekod mengenai —

- (a) semua kebenaran bertulis yang diberikan atau ditolak olehnya dan oleh Menteri di bawah Bahagian ini; dan
- (b) semua keputusan yang dibuat oleh Menteri atas rayuan di bawah bab 31.

(2) Rekod itu hendaklah termasuk semua pelan yang berkaitan.

(3) Rekod itu hendaklah disediakan untuk diperiksa oleh mana-mana orang ramai dengan membuat bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(4) Rekod itu boleh disimpan dalam bentuk elektronik.

## BAHAGIAN V

### PENGUATKUASAAN

#### Kuasa untuk menghendaki maklumat mengenai aktiviti di atas tanah

33. (1) Jika pada pendapat Autoriti Perancang bahawa mungkin terdapat pelanggaran kawalan perancangan berkaitan dengan mana-mana tanah, dia boleh menyampaikan suatu notis maklumat kepada mana-mana orang yang —

(a) merupakan pemilik atau penghuni tanah itu atau mempunyai apa-apa kepentingan lain ke atas tanah itu; atau

(b) menjalankan kerja di atas tanah itu atau menggunakan tanah itu bagi sebarang maksud.

(2) Suatu notis maklumat boleh menghendaki orang yang kepadanya notis itu disampaikan untuk memberi maklumat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu berkenaan dengan —

(a) apa-apa kerja yang dijalankan di atas tanah itu, apa-apa penggunaan tanah itu dan apa-apa aktiviti lain yang dijalankan di atas tanah itu; dan

(b) apa-apa perkara berkenaan dengan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya sebarang kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan berkaitan dengan tanah itu telah diberikan.

(3) Khususnya, suatu notis maklumat boleh menghendaki orang yang kepadanya notis itu disampaikan —

(a) untuk menyatakan sama ada atau tidak tanah itu digunakan bagi sebarang maksud yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa kerja atau aktiviti yang dinyatakan dalam notis itu sedang dijalankan atau telah dijalankan di atas tanah itu;

(b) untuk menyatakan bila apa-apa penggunaan, kerja atau aktiviti bermula;

(c) untuk memberi nama dan alamat mana-mana orang yang diketahuinya menggunakan atau telah menggunakan tanah itu bagi sebarang

maksud, atau menjalankan atau telah menjalankan apa-apa kerja atau aktiviti di atas tanah itu;

(d) untuk memberi apa-apa maklumat yang dipegangnya tentang sebarang kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan bagi apa-apa penggunaan atau kerja atau apa-apa sebab bagi kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan yang tidak diperlukan bagi apa-apa penggunaan atau kerja;

(e) untuk menyatakan jenis kepentingannya (jika ada) ke atas tanah itu dan nama dan alamat mana-mana orang lain yang diketahuinya mempunyai kepentingan ke atas tanah itu.

(4) Suatu notis maklumat hendaklah dipatuhi dengan memberi maklumat yang dikehendaki secara bertulis kepada Autoriti Perancang.

(5) Penyampaian suatu notis maklumat tidak menjelaskan sebarang kuasa lain yang boleh dijalankan berkaitan dengan sebarang pelanggaran kawalan perancangan.

(6) Dalam bab ini, sebarang sebutan kepada kerja atau aktiviti di atas tanah hendaklah termasuk suatu sebutan kepada kerja atau aktiviti di dalam, di bawah atau di atas tanah itu dan termasuk kerja di suatu kawasan pemuliharaan.

#### **Hukuman kerana tidak mematuhi notis maklumat**

34. (1) Jika orang yang kepadanya suatu notis maklumat disampaikan tidak mematuhi notis itu pada tamatnya tempoh 28 hari dari tarikh notis itu disampaikan kepadanya, dia adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) untuk membuktikan bahawa dia tidak mengetahui, dan tidak dapat memastikan dengan usaha yang munasabah, maklumat yang dikehendaki dalam notis maklumat itu.

(3) Jika mana-mana orang —

(a) membuat sebarang pernyataan yang dikatakan mematuhi suatu kehendak dalam suatu notis maklumat yang diketahuinya sebagai palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material; atau

(b) dengan melulu membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material,

dia adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Autoriti untuk memasuki tanah**

35. (1) Autoriti Perancang boleh, {dengan penolong dan pekerja yang diperlukan}, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki mana-mana tanah bagi maksud —

(a) memastikan sama ada terdapat, atau telah terdapat, suatu pelanggaran Perintah ini;

(b) memastikan sama ada sebarang tugas yang diberikan oleh Perintah ini kepada Autoriti Perancang atau Menteri patut atau boleh dijalankan; atau

(c) mengambil apa-apa tindakan atau menjalankan apa-apa kerja yang dibenarkan atau dikehendaki oleh atau di bawah Perintah ini.

(2) Autoriti Perancang boleh mengambil gambar tanah itu dan mana-mana harta atau bahan yang dijumpai di dalamnya dan langkah lain sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu tanpa melibatkan sebarang pemeriksaan atau rampasan ke atas mana-mana premis, benda atau orang.

(3) Penghuni mana-mana premis hendaklah, jika dikehendaki oleh Autoriti Perancang —

(a) memberi nama dan alamatnya;

(b) memberi bukti tentang identitinya; dan

(c) memberi nama dan alamat pemilik premis itu, jika diketahui.

(4) Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang Autoriti Perancang dalam melaksanakan apa-apa perkara atau hal yang dia diberi kuasa untuk melakukannya oleh bab ini atau gagal mematuhi kehendak di bawah ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(5) Seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang telah melakukan atau yang disyakinya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (4) —

(a) jika orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika terdapat sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat itu, jika diberikan.

(6) Seseorang yang ditangkap di bawah bab ini boleh ditahan sehingga nama dan alamatnya dipastikan dengan betul kecuali bahawa orang yang ditangkap itu tidak boleh ditahan lebih lama dari yang dibenarkan oleh sebarang undang-undang bertulis dan perlu bagi membawanya di hadapan sebuah mahkamah melainkan jika perintah sebuah mahkamah bagi penahanannya diperolehi.

#### Notis penguatkuasaan

36. (1) Autoriti Perancang boleh mengeluarkan suatu notis penguatkuasaan jika pada pendapatnya bahawa telah berlaku suatu pelanggaran kawalan perancangan.

(2) Suatu notis penguatkuasaan hendaklah menyatakan langkah-langkah yang dikehendaki oleh Autoriti Perancang untuk diambil, atau aktiviti-aktiviti di atas atau penggunaan tanah yang dikehendakinya untuk dihentikan, bagi meremedi (seluruhnya atau sebahagiannya) pelanggaran kawalan perancangan itu atau bagi meremedi apa-apa kerosakan kepada mana-mana kemudahan yang disebabkan oleh pelanggaran itu.

(3) Suatu notis penguatkuasaan boleh, terutamanya, menghendaki —

(a) perubahan, perobohan atau pemindahan mana-mana bangunan atau kerja;

(b) pelaksanaan apa-apa kerja bangunan atau kerja lain;

(c) penghentian, sama ada seluruhnya atau setakat mana yang dinyatakan dalam notis itu, sebarang aktiviti di atas atau penggunaan tanah itu; atau

(d) pemindahan dari tanah itu semua harta dan bahan yang digunakan berhubung dengan pelanggaran kawalan perancangan itu.

(4) Jika notis penguatkuasaan itu berkaitan dengan kerja tanpa kebenaran di suatu kawasan pemuliharaan, notis itu boleh juga termasuk —

(a) suatu kehendak untuk memulihkan mana-mana bangunan di atas tanah itu kepada keadaan sebelumnya;

(b) jika Autoriti Perancang menganggap bahawa pemulihan semula itu tidak dapat dijalankan dengan munasabah atau tidak dikehendaki, suatu kehendak untuk melaksanakan kerja sebagaimana yang mungkin

dinyatakannya dalam notis itu untuk mengurangkan kesan kerja tanpa kebenaran; atau

(c) suatu kehendak untuk membawa mana-mana bangunan kepada keadaannya yang sepatutnya jika terma-terma dan syarat-syarat sebarang kebenaran pemuliharaan yang diberikan berkaitan dengan bangunan itu telah dipatuhi.

(5) Suatu notis penguatkuasaan hendaklah menyatakan —

(a) tarikh notis itu berkuat kuasa, yang tidak kurang 14 hari dari tarikh notis itu disampaikan; dan

(b) tempoh masa (yang berkuat kuasa dari tarikh notis penguatkuasaan itu berkuat kuasa) sebarang langkah yang dikehendaki oleh notis itu akan diambil atau sebarang aktiviti di atas atau penggunaan tanah yang dikehendaki oleh notis itu akan dihentikan.

(6) Satu salinan suatu notis penguatkuasaan boleh disampaikan kepada mana-mana satu atau lebih daripada orang-orang yang berikut —

(a) mana-mana pemilik tanah yang disebut dalam notis itu;

(b) mana-mana penghuni tanah itu; atau

(c) mana-mana orang lain yang pada pendapat Autoriti Perancang bertanggungjawab terhadap atau terlibat dalam pelanggaran kawalan perancangan itu.

(7) Suatu notis penguatkuasaan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dan setakat mana notis itu —

(a) digantikan dengan pemberian kebenaran perancangan atau kebenaran pemuliharaan di bawah bab 25;

(b) digantikan dengan suatu pemberitahuan di bawah bab 30(6); atau

(c) ditarik balik oleh Autoriti Perancang.

(8) Pematuhan kehendak-kehendak suatu notis penguatkuasaan, sama ada berkaitan dengan —

(a) penyiapan, perobohan, pemindahan, atau perubahan mana-mana bangunan atau kerja;

(b) penghentian sebarang aktiviti di atas atau penggunaan tanah itu; atau

(c) dalam apa-apa cara lain,  
tidak akan melepaskan notis itu.

(9) Kecuali dengan cara suatu rayuan kepada Menteri di bawah bab 37, kesahan suatu notis penguatkuasaan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atau prosiding apa pun.

**Rayuan kepada Menteri terhadap notis penguatkuasaan**

37. (1) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan sebarang kehendak suatu notis penguatkuasaan boleh, pada bila-bila masa sebelum notis itu berkuat kuasa, merayu kepada Menteri dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti Perancang.

(2) Jika suatu rayuan dibuat di bawah bab ini, Menteri boleh —

(a) membetulkan sebarang kecacatan, kesilapan atau salah perihalan dalam notis penguatkuasaan itu atau mengubah kehendak-kehendaknya;

(b) melanjutkan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, tempoh yang dinyatakan dalam notis penguatkuasaan itu yang dalam tempoh itu sebarang kehendak di dalamnya hendaklah dipatuhi;

(c) menolak rayuan itu;

(d) membenarkan rayuan itu tanpa syarat; atau

(e) membenarkan rayuan itu seluruhnya atau sebahagianya, dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut,

dan Menteri boleh memberi arahan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menguatkuasakan keputusannya atas rayuan tersebut.

(3) Tanpa menjelaskan kuasa am Menteri untuk mengenakan syarat-syarat atau memberi arahan di bawah ceraian (2), Menteri boleh menghendaki supaya cagaran sebagaimana yang mungkin difikirkannya perlu diberikan kepada Autoriti Perancang dan menyatakan hal keadaan bagaimana cagaran itu boleh dirampas oleh Autoriti Perancang.

(4) Keputusan Menteri di bawah ceraian-ceraian (2) dan (3) adalah muktamad.

(5) Apabila suatu rayuan dibuat kepada Menteri di bawah bab ini, notis penguatkuasaan itu tidak akan mempunyai kuat kuasa, melainkan jika Menteri

pada bila-bila masa mengarahkan sebaliknya, sementara menunggu keputusan atau penarikan balik rayuan itu.

(6) Kecuali jika Menteri memutuskan untuk membenarkan suatu rayuan tanpa syarat, notis penguatkuasaan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh perayu diberikan notis keputusan Menteri.

(7) Sebarang perlucutan hak yang dibuat oleh Autoriti Perancang ke atas sebarang cagaran yang diberikan di bawah bab ini tidaklah menjelaskan permulaan prosiding terhadap mana-mana orang kerana sebarang kesalahan di bawah Perintah ini.

**Kesalahan tidak mematuhi notis penguatkuasaan**

38. (1) Jika terdapat kegagalan untuk mematuhi sebarang kehendak suatu notis penguatkuasaan berkenaan dengan mana-mana tanah, orang yang disampaikan dengan notis penguatkuasaan itu adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang —

(a) menggunakan tanah dengan melanggar notis penguatkuasaan itu setelah kehendak-kehendak dalam notis itu dipatuhi; atau

(b) melaksanakan apa-apa kerja dengan cara membaiki semula atau membaik pulih bangunan atau kerja yang telah dirobohkan atau diubah dengan mematuhi kehendak-kehendak dalam suatu notis penguatkuasaan,

walaupun notis itu dipatuhi terlebih dahulu, adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini boleh jika sabit kesalahan —

(a) dikenakan suatu denda tidak melebihi \$200,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali; dan

(b) dalam hal suatu kesalahan berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$10,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Pelaksanaan dan kos kerja yang dikehendaki oleh notis penguatkuasaan dll.**

39. (1) Jika —

(a) sebarang kehendak suatu notis penguatkuasaan atau suatu perintah di bawah bab 23(6) tidak dipatuhi dalam tempoh yang dibenarkan oleh notis atau perintah itu mengikut mana yang berkenaan;

(b) mana-mana tanah digunakan dengan melanggar suatu notis penguatkuasaan setelah kehendak-kehendak dalam notis itu dipatuhi; atau

(c) apa-apa kerja telah dilaksanakan dengan cara membaiki semula atau membaik pulih bangunan atau kerja yang telah dirobohkan atau diubah dengan mematuhi kehendak-kehendak suatu notis penguatkuasaan,

Autoriti Perancang boleh (dengan penolong dan pekerja yang diperlukan), pada bila-bila masa, memasuki tanah itu dan mengambil sebarang langkah yang pada pendapatnya perlu untuk memastikan supaya notis atau perintah itu, mengikut mana yang berkenaan, dipatuhi termasuk memindahkan, menahan atau melupuskan mana-mana harta atau bahan di atas tanah itu.

(2) Kos atau perbelanjaan yang dilakukan, secara langsung atau tidak langsung, oleh Autoriti Perancang pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraian (1) boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil daripada mana-mana orang yang disampaikan dengan notis penguatkuasaan atau perintah di bawah bab 23(6), mengikut mana yang berkenaan, tolak jumlah wang yang didapatkan balik di bawah bab 40.

(3) Perakuan Autoriti Perancang yang menyatakan amaun kos dan perbelanjaan yang didapatkan balik di bawah ceraian (2) adalah keterangan muktamad mengenai amaun tersebut.

(4) Jumlah wang yang dinyatakan dalam perakuan Autoriti Perancang di bawah ceraian (3) hendaklah dicagarkan sebagai gadaian pertama terhadap tanah itu dan hendaklah, tertakluk kepada dan tanpa menjelaskan sebarang hak lain Kerajaan, mengatasi semua estet dan kepentingan lain apabila diwujudkan dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain berkenaan dengan pendaftaran apa-apa kepentingan atau bebanan ke atas tanah.

#### **Pemindahan dan penjualan harta dan bahan**

40. (1) Mana-mana harta atau bahan yang dipindahkan dan ditahan oleh Autoriti Perancang pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah bab 39 boleh dijual atau pun selainnya dilupuskan melainkan jika suatu tuntutan dibuat oleh orang yang memiliki harta atau bahan itu dalam masa 2 minggu dari pemindahan itu, dalam hal tersebut harta atau bahan itu boleh, tertakluk kepada ceraian (2), dikembalikan kepada orang yang memiliki harta atau bahan itu atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Autoriti Perancang.

(2) Mana-mana harta atau bahan yang telah dipindahkan dan ditahan oleh Autoriti Perancang di bawah bab 39 tidak boleh dikembalikan kepada orang yang memiliki harta atau bahan itu kecuali setelah orang itu membayar semua perbelanjaan yang dilakukan, secara langsung atau tidak langsung, oleh Autoriti Perancang dalam memindahkan dan menahan harta atau bahan itu atau

sebahagian dari perbelanjaan tersebut sebagaimana yang ditentukan oleh Autoriti Perancang.

(3) Jika Autoriti Perancang menjual mana-mana harta atau bahan di bawah ceraian (1), Autoriti Perancang adalah berhak untuk menolak dari hasil penjualan itu semua atau sebarang kos dan perbelanjaan yang dilakukan, secara langsung atau tidak langsung, oleh Autoriti Perancang berkaitan dengan pemindahan, penahanan dan penjualan harta atau bahan itu dan bakinya, jika ada, hendaklah dibayar apabila dituntut kepada orang yang memiliki harta atau bahan itu.

(4) Sebarang hasil penjualan harta atau bahan di bawah bab ini yang tidak dituntut dalam masa 2 tahun dari penjualan itu hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.

#### Injunksi

41. (1) Jika Autoriti Perancang menganggapnya perlu atau mustahak bagi sebarang pelanggaran sebenar atau pelanggaran yang ditakuti terhadap Perintah ini dihalang dengan injunksi, Autoriti Perancang boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu injunksi, sama ada atau tidak dia telah menjalankan atau bercadang hendak menjalankan mana-mana kuasanya yang lain di bawah Bahagian ini.

(2) Atas permohonan di bawah ceraian (1), Mahkamah Tinggi tidak perlu menghendaki daripada Autoriti Perancang sebarang aku janji bagi ganti rugi.

(3) Atas permohonan di bawah ceraian (1), Mahkamah Tinggi boleh membenarkan injunksi sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah bagi maksud menghalang pelanggaran itu.

#### Penalty civil

42. (1) Autoriti Perancang boleh menghendaki seseorang itu untuk membayar suatu penalti kerana pemberian sebarang kebenaran bertulis bagi —

- (a) sebarang pemajuan tanah;
- (b) sebarang pemecahan atau penyatuan tanah; atau
- (c) apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan,

yang berkaitan dengannya pada pendapat Autoriti Perancang bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, sama ada atau tidak prosiding telah dimulakan terhadap mana-mana orang kerana suatu kesalahan di bawah bab 23.

(2) Penalti tersebut tidak boleh melebihi —

(a) 50 kali ganda bayaran yang ditetapkan bagi permohonan untuk mendapatkan kebenaran bertulis, kebenaran pemecahan atau penyatuan, atau kebenaran pemuliharaan, mengikut mana yang berkenaan; atau

(b) \$150,000,

mengikut mana jumlahnya yang kurang.

(3) Perakuan Autoriti Perancang tentang penalti yang akan dikenakan di bawah bab ini adalah muktamad mengenai jumlah itu.

(4) Tiada prosiding lanjut boleh dimulakan atau diambil terhadap mana-mana orang kerana suatu kesalahan di bawah bab 23 sebaik sahaja penalti itu telah dibayar.

## BAHAGIAN VI

### MENDAPATKAN BALIK WANG

#### Mendapatkan balik wang

43. (1) Sebarang jumlah wang yang kena dibayar kepada Autoriti Perancang di bawah Perintah ini boleh didapatkan balik olehnya dengan tindakan sebagai suatu hutang sivil.

(2) Tiada prosiding bagi mendapatkan balik mana-mana wang yang kena dibayar di bawah Perintah ini boleh dibatalkan atau diketepikan dalam mana-mana mahkamah kerana tidak mengikut bentuk atau prosedur.

#### Prosiding bagi mendapatkan balik wang yang genap masanya dibayar

44. (1) Melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam Perintah ini, Autoriti Perancang mempunyai dan boleh menjalankan kuasa-kuasa tambahan yang berikut bagi tujuan mendapatkan balik mana-mana wang yang genap masanya dibayar di bawah Perintah ini —

(a) Autoriti Perancang boleh mengeluarkan suatu waran penahanan dan boleh merampas menurut waran itu mana-mana harta alih dan tanaman mana-mana orang yang bertanggungan membayar sebarang jumlah wang yang genap masanya dibayar, dan boleh, selepas notis yang ditetapkan disampaikan, menjualnya dengan lelongan awam atau mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan

(b) Autoriti Perancang boleh, dengan notis jualan yang akan disampaikan atau disiarkan mengikut cara yang ditetapkan, mengisyiharkan niatnya untuk menjual, pada tamatnya tempoh 3 bulan dari tarikh notis jualan itu, mana-mana tanah kepunyaan orang yang kena

membayar sebarang jumlah wang yang genap masanya dibayar dan, jika pada tamatnya tempoh itu, jumlah wang itu belum dibayar atau diselesaikan, Autoriti Perancang boleh menjual, dengan lelongan awam atau pun selainnya, kesemua tanah itu atau sebahagiannya atau kepentingan ke atasnya sebagaimana yang dianggapnya mencukupi bagi mendapatkan balik jumlah wang itu dan kos.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), Autoriti Perancang tidak boleh terus bertindak di bawah ceraian (1)/b) dan menjual tanah mana-mana orang yang kena membayar sebarang jumlah wang yang genap masanya dibayar, atau mana-mana bahagiannya atau kepentingan ke atasnya, jika terdapat di atas tanah itu dan boleh dirampas dan dijual di bawah ceraian (1)/a/ harta alih atau tanaman kepunyaan orang itu yang nilainya dianggarkan oleh Autoriti Perancang sebagai mencukupi untuk merealisasikan jumlah wang yang dikehendaki untuk menyelesaikan wang yang genap masanya dibayar dan kos.

(3) Mana-mana penyewa, penyewa kecil atau penghuni yang, bagi mengelakkan rampasan atau penjualan tanah itu kerana tidak membayar sebarang jumlah wang yang genap masanya dibayar kepada pemilik tanah itu, membayar jumlah wang itu dan kos boleh selepas itu, sekiranya tidak ada sebarang perjanjian bertulis yang bertentangan, menolak amaun yang dibayar olehnya dari sewa yang genap masanya dibayar atau menjadi genap masanya dibayar olehnya kepada tuan tanah langsungnya kerana tanah itu atau sebahagiannya sebagaimana yang dipegang atau diduduki olehnya, dan boleh terus memilikinya sehingga amaun itu telah dibayar ganti sepenuhnya kepadanya sama ada dengan cara potongan dari sewa itu atau pun selainnya.

(4) Mana-mana penyewa atau penyewa kecil yang telah membayar ganti, sama ada dengan membenarkan potongan dari sewanya atau pun selainnya, mana-mana penyewa kecil atau penghuni yang memegang atau menduduki di bawahnya amaun yang dibayar oleh penyewa kecil atau penghuni itu mempunyai hak yang sama untuk terus memiliki sehingga juga dibayar ganti.

(5) Penerimaan Autoriti Perancang atau mana-mana pegawai yang telah diberi kuasa bagi apa-apa amaun yang dibayar oleh mana-mana penyewa, penyewa kecil atau penghuni itu hendaklah dianggap sebagai penyelesaian sepenuhnya bagi amaun sewa yang sama.

(6) Jika mana-mana tanah kepunyaan seseorang yang kena membayar sebarang jumlah wang yang genap masanya dibayar, atau mana-mana harta alih atau tanaman yang disebutkan dalam ceraian (1)/a/ atau hasil jualan harta alih atau tanaman itu, sudah dalam jagaan undang-undang di bawah sebarang proses pelaksanaan yang dengannya Autoriti Perancang tidak dapat menjalankan kuasa-kuasa yang terletakhak padanya menurut bab ini, Autoriti Perancang boleh memberitahu syerif atau bailif mahkamah yang berkenaan amaun yang genap masanya dibayar, dan dia berhak, tanpa mendapatkan penghakiman, dibayar amaun itu dari hasil jualan tanah, harta alih atau tanaman itu yang diutamakan

daripada penghutang penghakiman dan pemutang penghakiman dan mana-mana pemutang lain, kecuali Kerajaan.

(7) Perakuan daripada Autoriti Perancang adalah keterangan muktamad mengenai amaun sebarang jumlah wang yang mungkin genap masanya dibayar.

#### **Penahanan**

45. (1) Penahanan yang disebutkan dalam bab 44(1)/a boleh dibuat oleh seseorang yang dilantik bagi tujuan itu oleh Autoriti Perancang dan orang itu hendaklah memberitahu kepada orang ramai mengenai penahanan tersebut mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah mengambil inventori harta yang bercantum.

(2) Bagi tujuan melaksanakan penahanan itu, orang yang dilantik di bawah ceraian (1), boleh memecah masuk mana-mana rumah atau bangunan pada waktu siang.

(3) Orang yang dilantik di bawah ceraian (1) hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

#### **Penggunaan hasil**

46. (1) Hasil sesuatu jualan di bawah bab 44(1) hendaklah digunakan terlebih dahulu bagi menyelesaikan jumlah wang yang genap masanya dibayar dan kos.

(2) Sekiranya terdapat sebarang lebihan yang tinggal, Autoriti Perancang hendaklah, jika berpuas hati tentang hak mana-mana orang yang menuntut lebihan tersebut, membayar lebihan tersebut kepada orang itu atau, jika tidak berpuas hati, hendaklah memegang lebihan tersebut sebagai amanah untuk orang yang akhirnya berjaya mengikut perjalanan undang-undang membuktikan hak miliknya terhadap lebihan tersebut.

(3) Jika hak milik tiada dibuktikan terhadap lebihan tersebut pada penghujung tempoh 5 tahun selepas tarikh jualan di bawah bab 44(1), lebihan tersebut hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.

#### **Hak milik diberikan kepada pembeli dalam sesuatu jualan di bawah bab 44**

47. (1) Pembeli dalam sesuatu jualan di bawah bab 44(1)/b hendaklah dianggap telah memperolehi hak atau harta yang ditawarkan untuk jualan bebas dari semua bebanan yang diwujudkan ke atasnya dan dari semua kepentingan kurang penting yang diperolehi daripadanya, kecuali sebagaimana yang dikenakan dengan nyata oleh Autoriti Perancang pada masa jualan itu.

(2) Autoriti Perancang hendaklah, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, memberitahu hasil jualan itu dan pemindahan hak atau pemindahan kepada pembeli akan hak atau harta yang ditawarkan untuk jualan.

**Kos prosiding bagi mendapatkan balik jumlah wang yang genap masanya dibayar**

48. Semua kos dan perbelanjaan yang dilakukan dalam mendapatkan balik sebarang jumlah wang yang genap masanya dibayar di bawah Perintah ini boleh didapatkan balik seolah-olah ia merupakan sebahagian dari jumlah wang yang genap masanya dibayar.

**Kuasa untuk menghentikan jualan**

49. Jika mana-mana orang, yang mempunyai apa-apa kepentingan ke atas mana-mana tanah yang kena dijual pada bila-bila masa sebelum jualan itu, mengemukakan kepada Autoriti Perancang jumlah wang yang genap masanya dibayar, Autoriti Perancang hendaklah menghentikan semua prosiding lanjut berkaitan dengannya.

**Permohonan kepada mahkamah**

50. (1) Jika mana-mana orang yang harta alih, tanaman atau tanahnya telah ditahan atau ditawarkan untuk jualan di bawah bab 44 atau 45 mempertikaikan penahanan atau jualan itu, dia boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi atau, jika jumlah wang yang genap masanya dibayar tidak melebihi \$1,000, kepada Mahkamah Perantaraan, bagi suatu perintah untuk menangguhkan prosiding tersebut.

(2) Selepas mendengar Autoriti Perancang dan selepas membuat siasatan lanjut yang diperlukan, mahkamah hendaklah membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Cagaran hendaklah diberikan**

51. Permohonan tidak akan dilayan oleh mahkamah di bawah bab 50 melainkan jika pemohon telah mendepositkan dalam mahkamah amaun jumlah wang yang genap masanya dibayar dan kos atau telah memberikan cagaran bagi jumlah wang itu sehingga memuaskan hati mahkamah.

**BAHAGIAN VII**

**AM**

**Pengesahan dokumen**

52. (1) Apa-apa dokumen yang —

/a/ dikatakan mempunyai tandatangan atau tandatangan faksimile Autoriti Perancang atau seorang pegawai yang diberi kuasa di bawah bab 6(2); atau

(b) disahkan atau dikatakan telah disahkan dengan cara lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan,

hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah sempurna disediakan, dikeluarkan atau disampaikan oleh Autoriti Perancang.

(2) Dalam mana-mana prosiding di bawah Perintah ini, kandungan apa-apa dokumen itu hendaklah dianggap sebagai betul sehingga dibuktikan sebaliknya.

#### Penyampaian dokumen

53. (1) Tanpa menjelaskan ceraian (2), apa-apa notis atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk disampaikan atau diberikan di bawah Perintah ini, dan setiap saman yang dikeluarkan oleh mahkamah berhubung dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini, boleh disampaikan atau diberikan —

(a) dengan menyerahkannya kepada orang yang kepadanya ia akan disampaikan atau diberikan;

(b) dengan meninggalkannya di tempat kediaman orang itu yang biasa atau terakhir diketahui, atau, dalam hal jika alamat penyampaiannya telah diberikan oleh orang itu, di alamat itu;

(c) dengan mengirimkannya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediamannya yang biasa atau terakhir diketahui, atau dalam hal jika alamat penyampaiannya telah diberikan oleh orang itu, di alamat itu.

(2) Jika notis atau dokumen itu dikehendaki untuk disampaikan atau diberikan kepada seseorang yang merupakan penghuni mana-mana premis yang terkandung dalam mana-mana tanah, notis atau dokumen itu hendaklah dianggap telah sempurna disampaikan kepada orang itu jika ia dialamatkan kepada orang itu dan dilekatkan pada sesuatu objek yang mudah dilihat di atas tanah itu.

(3) Apa-apa notis, dokumen atau saman yang dikirimkan dengan pos berdaftar kepada seseorang menurut ceraian (1) hendaklah dianggap telah sempurna disampaikan atau diberikan kepada orang itu pada masa apabila ia akan, dalam perjalanan biasa pos, diserahkan dan bagi membuktikan penyampaiannya adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa sampul surat yang mengandungi notis, dokumen atau saman itu dialamatkan dengan betul kepada orang itu yang disetemkan dan diposkan dengan pos berdaftar.

#### Pengecualian

54. Menteri boleh, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan mana-mana tanah atau tanah-tanah sama ada pada amnya atau

bagi suatu tempoh tertentu dari kuat kuasa semua atau mana-mana peruntukan Perintah ini.

**Pengecualian liabiliti**

55. Jika Autoriti Perancang memberikan maklumat mengenai mana-mana peruntukan atau kandungan Pelan Induk, Pelan Daerah atau Pelan Setempat atau sebarang catatan dalam rekod yang disimpan oleh Autoriti Perancang di bawah bab 32 kepada mana-mana orang dengan apa-apa cara atau bentuk apa pun, Autoriti Perancang dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah bab 6(2) tidaklah bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh orang itu atau mana-mana orang lain kerana kesilapan atau peninggalan apa pun jenisnya atau tidak kira bagaimana jua pun berlaku, jika maklumat itu diberikan dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa pelaksanaan kewajipan-kewajipan Autoriti Perancang atau pegawai yang berkenaan sebagai wakil Autoriti Perancang.

**Perlindungan dari liabiliti**

56. Tiada apa-apa perkara atau hal yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh Autoriti Perancang atau oleh mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa olehnya boleh menjadikannya atau orang itu sendiri tertakluk kepada sebarang tindakan, liabiliti, tuntutan atau gugatan apa pun jika perkara atau hal itu dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

**Kuasa Mahkamah Majistret dan Mahkamah Perantaraan**

57. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Kanun Peraturan Jenayah {Penggal 7}, Mahkamah Majistret atau Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman maksimum yang diperuntukkan bagi sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini.

**Mengkompaun kesalahan**

58. (1) Autoriti Perancang boleh, atas budi bicaranya, mengkompaun sebarang kesalahan di bawah Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi \$500.

(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan cara dan prosedurnya.

**Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat**

59. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihak, seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, maka dia, dan juga badan korporat itu adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Jika hal ehwal suatu badan korporat diurus oleh ahli-ahlinya, ceraian (1) dikenakan berkaitan dengan perbuatan dan keingkaran seseorang ahli berhubung dengan tugas-tugas pengurusannya seolah-olah dia adalah seorang pengarah bagi badan korporat itu.

**Pembetulan kesilapan dalam daftar**

60. (1) Autoriti Perancang boleh pada bila-bila masa —

(a) membetulkan apa-apa catatan yang salah dalam mana-mana rekod, daftar, pelan atau dokumen yang dikehendaki untuk disimpan atau diselenggarakan di bawah Perintah ini; atau

(b) menambah pada rekod, daftar, pelan atau dokumen itu apa-apa perkara yang telah tersilap tinggalkan.

(2) Sebarang pembetulan hendaklah dibuat dengan cara yang akan menyebabkan perkara yang salah itu dipotong dan catatan yang betul mudah dibaca dengan jelas.

(3) Autoriti Perancang hendaklah menyatakan tarikh sebarang pembetulan atau tambahan dibuat pada rekod, daftar, pelan atau dokumen itu.

**Caj, bayaran dan penalti hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan**

61. (1) Hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan —

(a) semua bayaran atau caj perancangan yang dipungut oleh Autoriti Perancang di bawah Perintah ini; dan

(b) tertakluk kepada sebarang perjanjian yang dibuat antara Menteri dengan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang disebut dalam bab 6(3) dan apa-apa arahan Menteri, semua denda, bayaran, caj dan wang lain yang dipungut di bawah Perintah ini.

(2) Tiada perjanjian atau arahan di bawah ceraian (1) boleh dikenakan kepada apa-apa bayaran, caj atau wang lain yang dikehendaki dengan nyata oleh

mana-mana peruntukan Perintah ini untuk dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.

**Pindaan Jadual**

62. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* meminda Jadual.

**Peraturan-peraturan**

63. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau mustahak bagi menguatkuaskan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran atau caj bagi apa-apa hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), Menteri boleh dengan peraturan-peraturan itu membuat peruntukan bagi —

- (a) borang dan cara bagaimana permohonan bagi kebenaran perancangan, kebenaran pemecahan atau penyatuhan, atau kebenaran pemuliharaan akan dibuat;
- (b) prosedur penyertaan orang ramai dan siasatan;
- (c) pemeliharaan dan penyenggaraan bangunan;
- (d) penggunaan kelas;
- (e) perizaban tanah bagi tujuan awam;
- (f) kawalan iklan;
- (g) cara bagaimana rayuan boleh dibuat dan diputuskan di bawah Perintah ini dan maklumat yang akan diberikan oleh Autoriti Perancang berhubung dengannya.

**Pemansuhan Penggal 143, peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian**

64. (1) Tertakluk kepada bab ini, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Penggal 143) adalah dimansuhkan.

(2) Sebarang undang-undang tambahan, pengisytiharan atau lantikan yang dibuat dan apa-apa hal yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan itu dan berkuat kuasa sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah,

setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, terus berkuat kuasa seolah-olah dibuat atau dilakukan di bawah Perintah ini sehingga ia dipinda, dibatalkan atau dimansuhkan di bawah Perintah ini.

(3) Sehingga dipinda selainnya di bawah Perintah ini dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, apa-apa sebutan dalam undang-undang tambahan yang dibuat di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Penggal 143) yang dimansuhkan itu kepada —

(a) Pihak Berkuasa Yang Layak, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Autoriti Perancang;

(b) Skim Perancangan Pembangunan, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada pelan pembangunan.

(4) Sebarang kebenaran, kelulusan, keputusan, notis, waran, perintah, garis panduan atau dokumen lain yang disediakan, dibuat, diberikan, dikeluarkan dan apa-apa perbuatan atau hal yang dilakukan atau diberikan di bawah atau menurut Akta yang dimansuhkan itu dan sah sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah dianggap telah disediakan, dibuat, diberikan, dikeluarkan, dilakukan atau diberikan di bawah atau menurut peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah ini dan hendaklah dengan yang demikian terus berkuat kuasa.

(5) Mana-mana peta, pelan, rekod atau daftar yang disediakan, dibuat atau disimpan di bawah atau menurut Akta yang dimansuhkan itu hendaklah dianggap telah disediakan, dibuat atau disimpan di bawah atau menurut peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah ini dan hendaklah dengan yang demikian terus berkuat kuasa.

(6) Sebarang kemungkiran, pelanggaran atau ketidakpatuhan Akta yang dimansuhkan itu hendaklah dianggap sebagai suatu kemungkiran, pelanggaran atau ketidakpatuhan peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah ini dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Autoriti Perancang oleh Perintah ini boleh dijalankan berkaitan dengan sebarang kemungkiran, pelanggaran dan ketidakpatuhan tersebut.

(7) Sebarang proses penguatkuasaan atau prosiding yang dimulakan atau belum diputuskan sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini berhubung dengan sebarang kemungkiran, pelanggaran atau ketidakpatuhan atau di bawah Akta yang dimansuhkan itu boleh diteruskan dan diselesaikan di bawah Akta yang dimansuhkan itu seolah-olah Perintah ini belum dibuat.

(8) Mana-mana permohonan untuk mendapatkan kebenaran yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Yang Layak di bawah bab 6 dari Akta yang dimansuhkan itu dan sebarang rayuan yang dibuat kepada Menteri di bawah bab 8 dari Akta yang dimansuhkan itu yang belum diputuskan sejurus sebelum permulaan kuat

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

kuasa Perintah ini hendaklah dianggap telah dibuat dan diuruskan di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah ini.

(9) Sebarang sebutan dalam sebarang undang-undang bertulis kepada Akta yang dimansuhkan itu atau mana-mana peruntukannya adalah, mulai dari permulaan kuat kuasa Perintah ini, suatu sebutan kepada Perintah ini atau peruntukan yang bersamaan Perintah ini.

### **JADUAL (bab 23(1))**

#### **KAWASAN KAWALAN KEMAJUAN**

Kawasan-kawasan di dalam Negara Brunei Darussalam tidak termasuk mana-mana kawasan yang diisyiharkan sebagai suatu kawasan Lembaga Bandaran di bawah bab 3(1) dari Akta Lembaga Bandaran (Penggal 57).

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 7 haribulan October, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**